

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 22

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Kementerian akan membuat pindaan bagi menetapkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun yang mana adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Enakmen/Ordinan Undang-undang Keluarga Islam di negeri-negeri, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sepertimana saya pasti Yang Berhormat sedia maklum, terdapat beberapa perkara yang tidak berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan merupakan kuasa penuh di bawah Kerajaan Negeri. Contohnya perkara berkaitan perkahwinan orang Islam dan hal ehwal agama Islam.

Oleh itu, bagi orang Islam dan yang berada di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, satu draf pindaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [Akta 303] sedang disediakan dengan meminda umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi perempuan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Selain daripada itu, tatacara permohonan perkahwinan bawah umur ini akan dijadikan sebagai sebahagian daripada Akta 303. RUU ini akan dibentangkan di Parlimen setelah sesi rundingan dengan negeri-negeri dan *stakeholders* selesai dijalankan dan setelah draf pindaan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang akan diadakan pada 4-6 November 2019.

Manakala Enakmen / Ordinan Undang-undang dan had umur minimum perkahwinan hanya boleh dipinda sekiranya Negeri-Negeri bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut memandangkan undang-undang keluarga Islam berada di bawah bidang kuasa perundangan Negeri. Seperti mana saya telah jawab sebelum ini, Negeri Selangor telah pun meminda Enakmen ini manakala Wilayah Persekutuan sedang dalam proses meminda. 5 negeri lain yang telah bersetuju untuk meminda adalah Pulau Pinang, Sabah, Johor, Melaka dan Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Kementerian telah mengadakan sesi libat urus kepada semua Kerajaan Negeri tentang kesan buruk perkahwinan awal ke atas kesihatan, masa depan serta potensi kanak-kanak yang terlibat, namun masih terdapat 7 negeri yang berpandangan terdapat keperluan untuk meneruskan praktis

SOALAN NO. : 22

perkahwinan bawah umur ini iaitu di Sarawak, Pahang, Terengganu, Perlis, Negeri Sembilan, Kedah dan Kelantan.

Manakala, bagi bukan Islam pula, Kementerian Dalam Negeri (KDN) memaklumkan bahawa tiada keperluan untuk meminda peruntukan berkaitan had umur pendaftaran perkahwinan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].

Ini adalah kerana telah diperuntukkan dengan jelas had umur minimum pendaftaran perkahwinan bagi lelaki dan wanita iaitu 18 tahun. Pengecualian hanya diberikan kepada wanita berumur 16 dan 17 tahun yang perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Menteri / Menteri Besar. Pengecualian ini walau bagaimanapun, ditangani melalui mekanisme kawalan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditambahbaik bagi permohonan perkahwinan bawah umur dan telah mula berkuatkuasa pada 22 Ogos 2019.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Seperti mana yang saya pernah jawab di dalam dewan yang mulia ini, **pindaan dari segi perundangan sahaja tidak akan mampu mengekang masalah perkahwinan bawah umur ini.** Punca perkahwinan bawah umur serta kesedaran masyarakat serta agensi Kerajaan lain adalah amat penting dalam usaha membasmi perkahwinan bawah umur.